



**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA**

**SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2023
PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

**PROGRAM FITDOSM PERDANA PERINGKAT NEGERI PAHANG BERTEMAKAN
“STATISTIK DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR”**

Kuantan, 7 Oktober 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Pahang telah menganjurkan **Program FitDOSM Perdana Peringkat Negeri Pahang** yang bertemakan “**Statistik dan Kelestarian Alam Sekitar**”. Program ini diadakan sempena sambutan **Hari Statistik Negara (MyStats Day) Tahun 2023** peringkat negeri Pahang. Program ini telah diadakan pada 7 Oktober 2023 bersamaan hari Sabtu bertempat di Taman Gelora, Kuantan yang melibatkan lebih 300 orang yang terdiri daripada penduduk awam setempat.

Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) dengan tema “Statistik Nadi Kehidupan” telah diisytiharkan pada 20 Oktober setiap tahun, merujuk kepada tarikh Hari Statistik Sedunia (*World Statistics Day*) yang disambut pada setiap 5 tahun, bermula pada tahun 2010. Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman semua lapisan masyarakat tentang kepentingan statistik dan mengiktiraf sumbangan Ahli Statistik di Malaysia.

Program sempena sambutan Hari Statistik Negara peringkat negeri Pahang ini telah dirasmikan oleh Encik Razaman bin Ridzuan, Pengarah DOSM Pahang. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program sambutan tersebut antaranya adalah aktiviti senamrobik perdana, aktiviti CSR pembersihan pantai, pameran berkaitan produk jabatan, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan sukaneka.

Pada tahun ini, DOSM Pahang sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2023 (BE 2023) yang mengumpul maklumat pertubuhan bagi tahun rujukan 2022 melibatkan 52,272 pertubuhan perniagaan dan “pertubuhan bukan berasaskan keuntungan” di seluruh negeri Pahang. Selain itu, DOSM Pahang juga sedang giat melaksanakan kerja-kerja pengemaskinian rangka di seluruh negeri Pahang untuk persediaan pelaksanaan Banci Pertanian 2024 (BP 2024) yang akan dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 melibatkan isi rumah dan pertubuhan dalam aktiviti sektor pertanian.

Selaras dengan tema program iaitu “**Statistik dan Kelestarian Alam Sekitar**”, DOSM sebagai Penjana Statistik Negara juga menerbitkan statistik berkaitan alam sekitar antaranya Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, Statistik Alam Sekitar, Statistik Perbelanjaan Alam Sekitar, Statistik Indikator Hijau Malaysia, Statistik Tenaga dan Utiliti dan Statistik Bekalan Air : Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemuliharaan.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang

7 Oktober 2023